

Terbitan kedua surat berita ROSA kali ini membawakan maklumat terkini tentang Persidangan Meja Bulat Dasar yang ulung, membentangkan dapatan daripada gelombang bulan Julai dan Ogos Panel Kehidupan Singapura SLP selain memperkenalkan dua orang ahli istimewa pasukan ROSA - Timbalan Pengarah kita.

Ikhtisar Persidangan Meja Bulat ROSA: Menilai Kesan COVID-19



ROSA mengadakan Persidangan Meja Bulat Dasar yang pertamanya pada 31 Ogos 2020, yang menghimpunkan wakil daripada pelbagai agensi kerajaan yang terlibat dalam dasar penuaan di Singapura. Persidangan Meja Bulat Dasar ini membolehkan penyelidik ROSA bertemu dengan pembuat dasar untuk mengenal pasti bidang yang boleh dibantu untuk menyampaikan inisiatif dasar masa depan oleh para penyelidik kita. Secara keseluruhan, acara itu telah berjaya membuka banyak peluang untuk bekerjasama.

Yang berikut ialah beberapa petikan menarik yang telah dibentangkan:

Mengurus Kesihatan Diri

- Janji temu rawatan kesihatan semasa pandemik bukan sahaja dibatalkan oleh pembekal penjagaan kesihatan, malah oleh individu yang khuatir akan terkena jangkitan.
- Usaha harus dilakukan untuk mengurangkan kekhuatiran mereka semasa pandemik ini dan membuatkan mereka lebih peka untuk mengurus kesihatan diri.

Perlunya Insurans Pendapatan

- Selepas "Pemutus Litar" bermula, perbelanjaan isi rumah mengalami penurunan yang besar. Salah satu sebab yang menyumbang kepada penurunan ini ialah kurangnya berbelanja.
- Insurans pendapatan digalakkan untuk mereka yang mungkin telah kehilangan pendapatan sepanjang tempoh ini selain dapat memberikan subsidi berasaskan pendapatan.

Keputusan Aktiviti yang Berfaedah

- Masa yang diluangkan untuk aktiviti fizikal dan keagamaan telah dikaitkan dengan tahap kesejahteraan yang lebih tinggi semasa fasa pemutus litar. Ini menunjukkan bahawa pentingnya melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah untuk memastikan kesejahteraan diri daripada tidak melakukan apa-apa kerana itu hanya akan membawa kepada tahap kesejahteraan yang lebih rendah.


Jurang Teknologi

- Warga tua yang tidak menggunakan pelbagai teknologi komunikasi lebih tidak berpuas hati dan terasa lebih terasing daripada masyarakat. Ini menunjukkan perlunya pengukuhan semula untuk memupuk kemahiran celik teknologi dalam kalangan warga lebih tua.

Hasil Penyelidikan Utama daripada Gelombang Ogos

Gelombang bulan Ogos SLP telah menemukan beberapa dapatan tambahan yang agak menarik untuk dikongsi:

Siapakah yang menerima penjagaan daripada orang yang lebih dewasa?



Rajah 1: Carta pai menunjukkan individu yang dijaga oleh responden penjaga kita

Lebih separuh daripada mereka yang menganggap diri sebagai penjaga menyediakan penjagaan untuk ibu bapa. Jumlah yang besar ini mungkin disebabkan oleh populasi penuaan Singapura, iaitu lebih ramai warga Singapura yang lebih tua perlu menjaga ibu bapa mereka untuk hari kemudian. Oleh yang demikian, kita mesti bersedia untuk masa depan dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk membiayai ibu bapa kita nanti pada kemudian hari.



Rajah 2: Kekerapan yang lebih tinggi bersembang dengan jiran dikaitkan dengan purata kepuasan hidup yang lebih tinggi

Dapatan kami juga mencadangkan bahawa lebih banyak berhubung dengan jiran tetangga dan memupuk hubungan dengan mereka, dapat mewujudkan persekitaran yang lebih baik dari segi kepuasan hidup. Kami juga mendapati bahawa responden lebih muda kurang kerap berinteraksi dengan jiran tetangga berbanding responden lebih tua. Seharusnya kita mengambil teladan daripada orang tua untuk lebih banyak berinteraksi dengan jiran tetangga supaya kita dapat menjalani kehidupan yang lebih bahagia!

Memperkenalkan Timbalan Pengarah ROSA

Pasukan ROSA amat menghargai hubungannya dengan ahli SLP dan ingin memperkenalkan ahli pasukan yang berbeza-beza dalam setiap surat berita untuk membolehkan anda mengenali kami dengan lebih baik. Pada masa depan, kami berharap dapat mengetengahkan ahli-ahli SLP juga! Dalam terbitan ini, kami menampilkan Timbalan Pengarah dan minat mereka.



Dr William Tov, seorang profesor psikologi, memang gemar menyiasat. Minat beliau dalam penyelidikan penuaan didorong oleh bukti bahawa orang dewasa boleh membina kemahiran dan kemampuan penting walaupun mereka meningkat tua, dan beliau berharap untuk mencabar cara penuaan yang telah disalahertikan.

Harapan beliau agar penyelidikannya akan memberikan wawasan kepada cara untuk membina ketahanan semua warga Singapura dengan semakin meningkatnya usia mereka. Jika tidak bekerja, Dr Will gemar berehat sambil menikmati irama reggae dan lagu-lagu popular dari zaman 50-an dan 60-an bersama secawan kopi.



Dr Seonghoon Kim meminati dasar awam dan ekonomi, lebih-lebih lagi, tentang cara faktor ekonomi dan dasar awam mempengaruhi kesejahteraan warga tua Singapura. Beliau mahu menyediakan nasihat dasar kepada kerajaan supaya Singapura dapat lebih bersedia berdepan dengan fasa penuaan populasi yang pesat dan kesediaan persaraan untuk pekerja tua. Kerja beliau kini merangkumi penilaian tentang kesan COVID-19 terhadap kesejahteraan warga tua Singapura dan dasar CPF.

Tarikh Tinjauan

- **Tinjauan November: 1 - 24 November 2020**
- **Tinjauan Disember: 1 - 27 Disember 2020**
- **Tinjauan Januari: 1 - 24 Januari 2021**

Hubungi Kami

Jika anda telah berubah alamat atau nombor telefon, memerlukan sebarang bentuk bantuan untuk menjawab tinjauan, atau ada sebarang soalan atau maklumbalas, sila hubungi kami di Talian Utama Pusat kami di nombor 6808 7910 (9 pagi hingga 5 ptg, Isnin hingga Jumaat) atau e-mel kepada slp@smu.edu.sg. Kami sentiasa sudi mendengar daripada anda.